

UNSUR-UNSUR BAHASA - PESANAN-PESANAN

Mengenai 'Instrumentum laboris'

- Walaupun ia bukan sebuah dokumen ringkasan, IL dirangka **berdasarkan semua bahan yang diperoleh pada waktu fasa mendengar Umat Tuhan** - yang bermula pada Oktober 2021 - dan khususnya Dokumen-Dokumen Muktamad Perhimpunan-Perhimpunan Peringkat Benua.

Maka itu, dengan penerbitannya, fasa pertama Sinod 'Bagi sebuah Gereja Sinodal: Kesatuan, Penyertaan, Misi' ditutup, dan fasa kedua - fasa perayaan - bagi Perhimpunan Agung Biasa XVI Sinod Uskup-Uskup yang dibahagikan kepada dua sesi (Oktober 2023 dan 2024) dibuka.

- **IL boleh dianggap sebagai detik ketibaan yang menutup fasa pertama sinod.**

Bagaimanapun, penutupan fasa pertama **bukan bererti kesimpulan bagi proses mendengar dan menanggapi** untuk umat Tuhan.

- **IL bukan buku panduan eklesiologi.** Apa yang ditulis untuk Dokumen Kerja bagi Peringkat Benua diguna pakai juga di sini: "Ia bukan sebuah dokumen Majisterium Gereja, ataupun laporan bagi satu tinjauan sosiologi; ia tidak menawarkan rumusan bagi penanda operasi, matlamat dan tujuan, mahupun huraian lengkap bagi visi teologi".

Sebaliknya, IL adalah hasil daripada satu pengalaman: pengalaman daripada pertemuan ikhlas dan mesra antara saudara dan saudari dalam iman yang telah menjadi sumber sukacita. Sebaliknya, seperti yang diimbau oleh Pope Francis, "Tema sinodaliti bukan satu bab dalam sebuah karangan mengenai eklesiologi, apatah lagi satu fesyen, satu slogan atau istilah baharu untuk digunakan atau dijadikan alat dalam mesyuarat-mesyuarat kita. Bukan! Sinodaliti mengungkapkan sifat Gereja, bentuknya, gayanya, misinya" (*Perutusan kepada jemaat keuskupan Rom*, 18 September 2021).

- **IL tidak mencadangkan jawapan, dan ia juga tidak boleh difahami sebagai draf pertama bagi dokumen muktamad Perhimpunan Oktober untuk diperbetulkan atau dipinda.** Sebenarnya, tujuan proses sinodal "bukanlah untuk menghasilkan dokumen, tetapi membuka ufuk harapan bagi memenuhi misi Gereja" (DCS, n. 6).

- **IL adalah alat bagi penanggapan.** Ia dilahirkan sebagai sebuah alat praktikal untuk mengendalikan Perhimpunan Sinodal pada Oktober 2023 dan persiapan bagi para peserta di perhimpunan tersebut, maka itu bagi persiapannya. Atas sebab ini, ia menyebut beberapa keutamaan yang muncul daripada usaha mendengar Umat Tuhan dalam siri soalan untuk renungan dan penanggapan di Perhimpunan itu, dengan tujuan mengenal pasti beberapa langkah konkrit untuk diambil bagi memperdalamkan lagi pembelajaran gaya dan kaedah sinodal dalam Gereja pada zaman kita.

- **Perkara rujukan IL adalah Gereja tempatan, sebagai tempat teologi di mana umat yang sudah dibaptis mengalami perjalanan bersama secara konkrit.** Soalan yang diajukan oleh IL adalah gambaran bagi kekayaan realiti tempatan dan situasi hidup dari mana ia dirangka: ia sarat dengan nama dan wajah konkrit mereka yang mengambil bahagian, mereka menjadi saksi kepada pengalaman iman Umat Tuhan dan oleh yang demikian membawa tekapan makna yang melampaui batas pengetahuan manusia.

Apa yang menjadi kesaksian Instrumentum laboris

- **Pengalaman Gereja yang hidup:** pengalaman dengan pertemuan yang ikhlas dan mesra antara saudara dan saudari dalam iman yang telah menjadi sumber sukacita; ia telah membuatkan kita menyentuh dengan tangan kita sendiri kekatolikan Gereja, yang dalam kepelbagaian usia, jantina dan keadaan sosial, memperlihatkan kekayaan karisma dan panggilan eklesia yang luar biasa sereta memelihara khazanah bagi perbezaan bahasa, budaya, ekspresi liturgi dan tradisi teologi.

- **Kesedaran yang diperoleh** bahawa menjadi Gereja yang semakin bersifat sinodal menggambarkan identiti kita dan panggilan kita: berjalan bersama, iaitu membuat sinod, adalah cara untuk benar-benar menjadi murid dan rakan Tuan dan Tuhan itu yang memberitahu bahawa “Akulah Jalan” (Yohanes 14:6). Pada hari ini, ia juga mengandungi satu keinginan yang mendalam: “Selepas mengalaminya sebagai satu rahmat, kita mahu terus berbuat demikian.”

- **Kita tidak dapat memahami Gereja yang bersifat sinodal jika tidak di dalam ufuk kesatuan (komuni), yang juga selalunya satu misi** untuk mewartakan dan menjelmakan Injil dalam setiap dimensi kewujudan manusia. Kesatuan (komuni) dan misi disuburkan pertama sekali menerusi penyertaan umum dalam Ekaristi, selain menerusi institusi, struktur dan prosedur sebagai ruang-ruang di mana martabat pembaptisan umum dan tanggungjawab bersama dalam misi bukan sahaja diperkukuhkan tetapi juga dilaksanakan dan diamalkan.

- **Kepentingan untuk menjadi Gereja yang terbuka dan resah pada zaman kita.** Pope Francis mengingatkan kita: Jika orang Kristian tidak merasakan *keresahan dalaman* ini, jika dia tidak menghidupkannya, ada sesuatu yang tidak kena; dan *keresahan dalaman* ini timbul daripada kepercayaan kita, dan mengundang kita untuk menimbang apa yang terbaik untuk dilakukan, apa yang harus dikekalkan atau diubah. Sejarah mengajar kita bahawa berdiri tanpa bergerak tidak menjadi keadaan yang baik bagi Gereja (cf. *Evangelii gaudium*, 23), di mana setiap orang adalah seorang protagonis yang resah dan tidak pernah berdiri tanpa bergerak. (*Perutusan kepada jemaat keuskupan Rom*, 18 September 2021)

- **Kepentingan perjalanan ekumeni:** ia adalah satu seruan bagi ekumenisme yang kreatif dan diperbaharui selain untuk merangsang dialog ekumeni. Seperti apa yang diimbau oleh Pope Francis dalam perutusan beliau kepada Yang Suci Mar Awa III selaku Patriark Katolik Gereja Assyria Timur, “Laluan sinodaliti, yang dilalui Gereja

Katolik, adalah dan mesti bersifat ekumeni, sama seperti laluan ekumeni bersifat sinodal.”

- **Keanehan situasi yang dialami Gereja di berbagai rantau di dunia:** daripada terlalu banyak peperangan yang mencemari planet kita dengan darah serta seruan bagi komitmen baharu, kepada usaha membina keamanan yang adil, kepada ancaman yang ditimbulkan oleh perubahan iklim dengan keutamaan akibat susulan untuk menjaga hunian umum; daripada sistem ekonomi yang menghasilkan eksploitasi, ketidaksamarataan dan pembaziran, kepada tekanan membenarkan penjajahan budaya yang menghancurkan golongan minoriti; daripada pengalaman penindasan sehingga mengalami kematian martir, kepada penghijrahan yang secara beransur-ansur mengosongkan komuniti, malah mengancam kelangsungan hidup mereka; daripada pluralisme budaya yang semakin berkembang dan kini menandakan seluruh planet, hingga kepada pengalaman komuniti Kristian yang merupakan golongan minoriti yang bertaburan dalam negara di mana mereka hidup, kepada pengalaman menerima sekularisasi yang semakin giat, malah kadang-kadang agresif, dan seakan-akan menganggap pengalaman sebagai tidak relevan, tetapi tidak berhenti dahagakan Berita Baik Injil. Di kebanyakan rantau, Gereja-Gereja amat terkesan akibat krisis penderaan dan kesalahan: seksual, kuasa dan hati nurani, ekonomi dan institusi. Ini adalah luka-luka terbuka, dengan akibatnya yang belum lagi ditangani sepenuhnya. Selain memohon pengampunan daripada mangsa penderaan yang diakibatkannya, Gereja mesti menyertai komitmen yang semakin berkembang kepada perubahan hati dan pembaharuan untuk mencegah keadaan yang sama daripada berlaku lagi pada masa depan.

- Kepentingan metodologi sinodal, bagi dinamisme dan gaya bersifat sinodal, berkisar juga sekitar mendengar perbualan dalam Roh Kudus, dan latihan dalam kaedah ini, khususnya bagi fasilitator yang berupaya mengiringi komuniti untuk mengamalkan dan menghidupkan ketegangan sinodaliti yang dinamik dengan kreativiti.

- Keupayaan untuk menghadapi dan mengurus ketegangan agar dapat menerima kepelbagaian sebagai satu cara ke arah perpaduan.

- Integrasi kemajmukan dalam Gereja, selain karisma dan ministri atau pelayanan, melangkaui keseragaman, perpecahan dan polarisasi: “Dinamisme sinodal adalah satu cara untuk menyampaikannya dan meningkatkannya tanpa menghancurkannya dalam keseragaman”.

- Gereja yang berupaya menerima kelemahan dan ketidaklengkapan.

- Kepentingan melihat lebih jauh daripada masa kini, kepada dimensi eskatologi.

- Keperluan bagi pembaharuan liturgi yang serasi dengan aspirasi golongan muda dan memelihara inti pati dan simbolnya. Keperluan ini berpunca daripada kesedaran bahawa liturgi berada di tengah-tengah kehidupan Gereja dengan, pertama sekali dan paling utama, Ekaristi sebagai “sumber dan kemuncak” kehidupan Kristian.

- Keperluan untuk mengurus ketegangan antara kebenaran dan belaskasihan, antara keinginan untuk menjadi inklusif dan, pada waktu yang sama, tulen serta setia kepada ajaran-ajaran Gereja.

Mengenai Perhimpunan Agung Biasa Ke-16 Sinod Uskup-Uskup

- Matlamatnya adalah untuk melancarkan semula proses dan menjelmakannya dalam kehidupan biasa Gereja, dan mengenal pasti atas garisan manakah Roh Kudus mengundang kita untuk berjalan dengan lebih tegas. Dinamisme perjalanan Gereja bersama, dalam kesetiaan kepada misi yang diamanahkan oleh Tuhan kepadanya, adalah hasil yang kita pohon bagi Perhimpunan seterusnya. Sesungguhnya, tujuan proses sinodal “bukanlah untuk menghasilkan dokumen, tetapi untuk membuka ufuk harapan bagi menunaikan misi Gereja” (DCS, no. 6).

- Perhimpunan Sinodal pada Oktober 2023 juga akan disuruh mendengar dengan mendalam situasi di mana Gereja hidup dan menjalankan misinya.

Mengenai sinodaliti secara ringkas

- Sinodaliti adalah satu proses belajar.
- Sinodaliti bermula dengan mengambil kira situasi kita: titik permulaan adalah berbeza bagi setiap daripada kita.
- Sinodaliti adalah satu proses perlahan: ia adalah satu perubahan hati yang berlaku selangkah demi selangkah.
- Sinodaliti adalah belajar dengan amali.
- Sinodaliti adalah satu laluan yang kreatif dan terbuka.
- Sinodaliti adalah satu pengalaman rohani yang meletakkan Roh Kudus di tengah-tengah.
- Sinodaliti adalah seni menghargai, mengalu-alukan dan tahu bagaimana untuk mengungkapkan semua kurnia dan karisma yang Tuhan telah sediakan bagi Gereja-Nya.
- Sinod ini adalah proses untuk memperkasakan umat yang sudah dibaptis.
- Sinod ini adalah satu proses untuk mengiktiraf orang lain dengan mendengar.
- Sinod ini adalah satu cara untuk memajukan penerimaan terhadap Majlis Vatikan Kedua.